

09/05/2001

Kod etika amat jelas: Najib

KUALA LUMPUR, Selasa - Tindakan Lembaga Disiplin Umno terhadap enam pemimpin parti dalam pemilihan peringkat bahagian ekor an amalan politik wang, tidak wajar dipertikaikan kerana kod etika mengenainya amat jelas dan terperinci.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata semua pemimpin parti sudah dimaklumkan secara hitam putih mengenai kod etika berkenaan, selain memberi penjelasan berulang kali mengenainya.

"Malah, Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri sering mengingatkan pemimpin mengenai bahana politik wang ini ketika mesyuarat parti dan setiap kali perhimpunan agung diadakan.

"Jadi, adalah tidak wajar bagi pihak tertentu mendakwa garis panduan Umno mengenai tegahan mengamalkan politik wang masih samar dan pelaksanaannya tidak seragam," katanya di lobi Perlimen, di sini hari ini.

Beliau berkata demikian apabila diminta mengulas mengenai kesangsian kira-kira 100 ketua cawangan di Johor yang mempertikaikan tindakan Lembaga Disiplin Umno menggantung pemilihan Ketua Bahagian Muar, Datuk Abdullah Omar.

Najib menjelaskan bahawa tindakan mempersoal keputusan lembaga disiplin boleh diumpamakan sebagai mempertikaikan kewibawaan lembaga itu sendiri yang dianggotai beberapa pemimpin veteran Umno.

"Saya yakin setiap hukuman yang diputuskan lembaga disiplin adalah berasaskan bukti yang kukuh serta sah dan setimpal dengan kesalahan dilakukan.

"Justeru, pemimpin yang masih merasakan diri mereka teraniaya masih boleh embuat rayuan kepada Majlis Tertinggi Umno mengikut prosedur sedia ada untuk menimbang semula tindakan diambil," katanya.

Beliau juga menafikan bahawa tindakan lembaga disiplin itu yang membabitkan anggota kerajaan, umpamanya Ketua Bahagian Baling yang juga Ahli Exco Kerajaan Negeri Kedah, Datuk Zainol Mohamed Isa, akan menjejaskan kewibawaan kerajaan.

Katanya, isu itu adalah masalah dalaman Umno yang boleh diselesaikan oleh pemimpin parti sendiri dan tidak perlu dicampur aduk dengan urusan pentadbiran kerajaan.

Bagimanapun, beliau tidak menolak kemungkinan ia menjadi kes jenayah jika dirujuk kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) di mana ia akan tertakluk tindakan lanjut mengikut lunas perundangan.

(END)